

# Nurul Syakirin catat sejarah MPP USIM

SEREMBAN 27 Okt. - Buat julung-julung kalinya Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2013/2014 menyaksikan penuntut wanita, Nurul Syakirin Ahmad Najid meraih undian tertinggi dalam perebutan lapan kerusi umum universiti berkenaan di Nilai dekat sini, baru-baru ini.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd. Zaini Othman berkata, penuntut Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Fakulti Undang dan Syariah itu memperoleh 6,879 undi berbanding tujuh lagi calon yang menang daripada 15 calon bertanding bagi merebut lapan kerusi umum.

"Nurul Syakirin mencipta sejarah kerana dia merupakan penuntut wanita pertama memperoleh undian tertinggi dalam perebutan kerusi umum sepanjang pemilihan MPP



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
USIM  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY MALAYSIA

universiti ini diadakan.

"Antara penuntut yang turut terpilih dalam perebutan kerusi umum ialah Nik Muhammad Naqib Ahmad Mokhjamil (6,139); Muhammad Azmil Abu Seman (5,924) dan Muhammad Aziziz Alias (5,689)," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, empat lagi calon yang layak menduduki kerusi umum

ialah Mohd. Fathi Saiful Bahrin (5,114); Riza Asma'a Saari (4,268); Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid (4,055) dan Khairunnisa Ghazali (3,536).

"Pemilihan MPP universiti ini yang melibatkan perebutan lapan kerusi umum dan 15 kerusi fakulti berjalan lancar.

"Penggunaan sistem e-Undi seperti tahun sebelumnya amat membantu kelancaran dan menjimatkan masa pembuangan undi," katanya.

Pengumuman keputusan rasmi pemilihan dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan.

Pemilihan kali ini mencatatkan peratusan keluar mengundi yang baik iaitu pada kadar 79.9 peratus (7,352 pengundi) daripada 9,198 penuntut.



NURUL Syakirin Ahmad Najid (tiga dari kiri) bersama rakan-rakannya menunjukkan isyarat bagus selepas memenangi kerusi Pemilihan Kampus di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.